



ANGGOTA Tentera Malaysia membantu memindahkan mangsa banjir di Kampung Jelujok Bendang Pak Yong, Tumpat, Kelantan, semalam.

Jumlah pindah meningkat di Kelantan

KOTA BHARU 26 Dis. - Jumlah mangsa banjir yang dipindahkan ke pusat pemindahan di negeri ini hari ini meningkat kepada 6,937 orang berbanding semalam 3,059 orang biarpun kebanyakan tempat terutamanya di bandar ini hujan sekejap-sekejap.

Menurut portal rasmi banjir negeri Kelantan, daerah Pasir Mas menunjukkan peningkatan ketara dengan 4,931 mangsa diikuti Tumpat (1,015), Kuala Krai (269), Tanah merah (243), Pasir Puteh (239), Kota Bharu (231) dan Machang sembilan orang.

Kesemua mangsa ditempatkan di 38 pusat pemindahan berbanding

35 pusat pemindahan semalam.

Sementara itu, lapan jalan di lima daerah di negeri ini ditutup kepada semua kenderaan.

Jalan-jalan terlibat adalah Kilometer 11, Jalan Pasir Mas-Pohon Tanjung-Rantau Panjang berhampiran Kampung Siram; Jalan Machang-Pengkalan Meleret-Wakaf Bata berhampiran Padang Klupang, Machang; Kilometer 3 Jalan Pangkalan Rakit dan Kilometer 7.4, Jalan Rantau Panjang-Panglima Bayu, Kampung Kajang, Pasir Mas.

Selain itu, Kilometer 8, Jalan Kampung Pepuyu, Kampung Kajang, Tanah Merah; Kilometer 6, Ja-

lan Tanah Merah-Kusial-Kampung Ipoh, Kampung Chekok, Tanah Merah dan Kilometer 8, Jalan Cabang 4 - Kampung Jambu-Meranti, Kampung Ana serta Kilometer 3, Jalan Pohon Tanjung-Pasir Pekan, Kampung Pasir Pekan Hilir, Tumpat.

Pada masa yang sama, paras air Sungai Golok di Rantau Panjang masih melebihi paras merbahaya manakala Sungai Kelantan dan Sungai Lebir berada pada paras amaran.

Sementara itu, tinjauan *Utusan Malaysia* mendapati kawasan pinggir Sungai Golok di daerah Tumpat mula terjejas selepas air daripada Rantau Panjang mula turun ke kuala.